

**TEKS UCAPAN**

**YANG AMAT BERHORMAT  
TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN HAJI MOHD. YASSIN,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**SEMPENA SIDANG KEMUNCAK WANITA 2013  
PUSAT PERSIDANGAN SIME DARBY, BUKIT KIARA,  
KUALA LUMPUR  
PADA 20 OGOS 2013 (SELASA)  
JAM 9.30-11.15 PAGI**

**Tema "Forging Your Own Path"**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh ,  
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia**

**YB Datuk Hajah Rohani Abdul Karim,  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri  
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato, Datin-Datin,**

***Your Excellencies and Members of the Diplomatic Corps,***

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

- 1) Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan rahmatNya, diizinkan kita berhimpun di sini untuk bersama-sama hadir dalam Sidang Kemuncak Wanita 2013 yang merupakan tahun ke-11 ia diadakan. Terima kasih juga saya ucapkan kerana sekali lagi mengundang saya untuk merasmikan Sidang Kemuncak Wanita ini.

Ladies and gentlemen,

- 2) I am indeed honoured to be here with you today at the 11<sup>th</sup> Women's Summit organized by the Ministry of Women, Family and Community Development. This Women Summit has established itself as the preeminent platform for both women and men to discuss on the advancement of women of Malaysia. My congratulation goes to the Ministry of Women, Family and Community Development for organizing this year's summit and for the continuous effort in ensuring The Women's Summit remains alive and relevant.
- 3) The theme of this year's summit which is, "forging your own path" is a clear message from the Government of Malaysia to all women in Malaysia that it is important to develop and progress in their own mould. For decades, we have stood witness to the evolution of women's roles and contributions to the society, which have extended far and wide, beyond the confinement of their domestic sphere. Now is the time to move forward and explore new areas where no one has gone before. The Government of Malaysia remains committed in providing women with an enabling environment, however, we need assurance that there are takers to all these opportunities being laid out for them to capitalize to their advantage. We are committed to ensure that the women of Malaysia be given the highest opportunities in all fields but without these women taking the opportunities, it will not be worth anything.

- 4) Tema ini membawa mesej yang jelas bahawa wanita kini sudah bersedia untuk menentukan hala tuju dan misi yang hendak di capai. Persekitaran yang kondusif bagi wanita untuk terus maju dalam apa jua bidang yang diceburi, tidak lagi menjadi isu utama tetapi apa yang lebih penting kini adalah keinginan dan semangat kaum wanita sendiri untuk menentukan landasan kejayaan yang ingin dicapai.
- 5) Golongan wanita adalah aset negara yang amat penting dengan jumlah 14.4 juta orang atau 48.6% daripada keseluruhan penduduk Malaysia berjumlah 29.71 juta orang pada tahun 2013. Dengan jumlah hampir separuh daripada penduduk Malaysia, Kerajaan sememangnya mengiktiraf potensi dan sumbangan wanita dalam pembangunan negara.
- 6) Menyedari hakikat ini, kerajaan memberi tumpuan yang khusus kepada bidang pendidikan untuk memperkasa golongan wanita. Tahun 2009 hingga 2011, kemasukkan wanita bagi ijazah pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam secara konsisten telah melebihi 62% setiap tahun. Terkini, 28,280 calon atau 68.02% daripada 41,573 calon yang akan mengikuti program ijazah pertama bagi sesi akademik 2013/2014 adalah wanita. Berikutan dengan peningkatan tahap pendidikan golongan wanita, kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan juga telah meningkat kepada 49.5% pada tahun 2012. Bagi wanita yang telah berumah tangga, jumlah penglibatan dalam sektor pekerjaan juga telah meningkat daripada 44.4% pada tahun 2006 kepada 50.2% pada tahun 2012.
- 7) Usaha berterusan untuk memperkasakan wanita dalam pelbagai bidang telah diberi tumpuan khas dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015). Antaranya ialah meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang pekerjaan, meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan, meningkatkan sistem sokongan untuk wanita yang memerlukan seperti balu, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah serta

menghapuskan semua bentuk diskriminasi terhadap wanita. Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang pekerjaan, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan penyertaan wanita kepada 55% pada tahun 2015.

- 8) Tinjauan "*Retaining Women in the Workforce*" yang dijalankan oleh TalentCorp dan ACCA (*Association of Chartered Certified Accountants*) pada pertengahan tahun 2012 mendapati wanita Malaysia memerlukan masa kerja yang fleksibel bagi membolehkan mereka memenuhi komitmen terhadap keluarga, menyeimbangkan kehidupan dengan pekerjaan.
- 9) Antara sebab utama wanita meninggalkan pasaran pekerjaan ialah kerana ingin menumpukan perhatian kepada keluarga. Tinjauan ini juga mendapati hanya 7% majikan mempunyai dasar kemudahan sokongan penjagaan anak dan hanya 30% majikan mempunyai dasar pengaturan kerja fleksibel.
- 10) Dalam hal ini, Kerajaan telah mengambil langkah untuk memastikan agar lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja akan dibina untuk memberi peluang kepada lebih ramai wanita meneruskan kerjaya mereka. Dalam hal ini, kerajaan telah memperuntukkan RM15 juta sebagai insentif untuk menggalakkan pembukaan lebih banyak TASKA berkualiti di Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

- 11) Bagi memenuhi keperluan terhadap pengaturan kerja fleksibel, kerajaan telahpun melaksanakan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di agensi-agensi kerajaan sejak tahun 2007 dan ini telah banyak membantu wanita dalam menguruskan masa bekerja mereka.

- 12) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 kerajaan terus menggalakkan pelaksanaan waktu kerja anjal dan bekerja dari rumah di sektor awam serta swasta untuk mewujudkan tempat kerja yang lebih mesra keluarga. Saya difahamkan *TalentCorp* telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Wanita bagi membangunkan portal *flexWorkLife.my*. Portal tersebut mengandungi repositori amalan terbaik pengaturan kerja fleksibel dan kemudahan yang mesra keluarga.
- 13) Kerajaan juga memberi insentif kepada syarikat-syarikat yang mengambil semula pekerja wanita yang ingin kembali bekerja, setelah berhenti sekurang-kurangnya dua tahun. Syarikat yang menyediakan program latihan yang menepati syarat, layak menerima insentif potongan cukai dua kali bagi kos latihan dalam tempoh 12 bulan bermula dari tarikh wanita tersebut diambil bekerja.
- 14) Selain itu, usaha turut diambil bagi melaksanakan konsep bekerja dari rumah dengan menggalakkan wanita menceburi perniagaan *online*. Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta untuk program *Get Malaysian Business Online* (GMBO) yang diperkenalkan bagi membantu usahawan kecil, terutamanya wanita bagi meningkatkan jualan secara *online*. Dalam hal ini, geran sebanyak RM1,000 diberikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Dari bulan Januari hingga Jun 2013, sebanyak 1,750 permohonan telah diluluskan. Daripada jumlah keseluruhan permohonan yang telah diluluskan ini, 54.4% atau 952 orang terdiri daripada usahawan wanita.
- 15) Kerajaan juga komited dalam memastikan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan. Dalam hal ini, pada 27 Jun 2011 telah menetapkan Dasar Sekurang-kurangnya 30% Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Korporat.

- 16) Berdasarkan maklumat Kementerian Kewangan, penglibatan wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah 15.3% pada April 2013 berbanding 14% pada tahun 2012. Dalam pada itu, setakat 31 Disember 2012, 9% daripada barisan Lembaga Pengarah dan 28% daripada anggota pengurusan kanan di *Government Linked Company* (GLC) terbesar di bawah Program Transformasi GLC (G17) terdiri daripada golongan wanita.
- 17) Saya difahamkan, sebagai usaha untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar ini, satu pangkalan data iaitu *Women Directors' Registry System* telah dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di mana syarikat-syarikat boleh mendapatkan calon wanita yang berpotensi untuk dilantik sebagai ahli lembaga pengarah. Hingga 31 Julai 2013, sejumlah 780 orang wanita didaftarkan dalam *Women Directors' Registry System*.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

- 18) Dalam menentukan hala tuju diri dan membina kejayaan, wanita mesti merebut peluang yang sedia ada. Pepatah Melayu ada menyebut "dayung sudah di tangan, perahu sudah di air". Pelbagai peluang telah disediakan, dan terserah kepada kaum wanita sendiri untuk menggunakan peluang tersebut untuk memperoleh kejayaan. Untuk berjaya, kita perlu menghadapi cabaran dan risiko serta bersedia untuk bersaing. Setiap wanita perlu mempunyai pengetahuan, mempertajamkan kemahiran bagi menilai dan menggunakan peluang yang telah disediakan. Seperti kata penulis novel terkenal iaitu J.K. Rowling "It is our choices, that show what we truly are, far more than our abilities".
- 19) Saya berharap persidangan kali ini akan menzahirkan idea-idea yang mantap lagi bernas untuk diketengahkan sebagai dasar dan program kerajaan yang akan memberi manfaat kepada golongan wanita. Tahniah

saya ucapkan kepada penerima-penerima anugerah pada hari ini dan diharap ia akan menjadi suntikan motivasi kepada semua yang terlibat dalam usaha memantapkan potensi wanita di Negara kita.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

20) Akhir kata dengan lafaz saya dengan sukacita merasmikan Sidang Kemuncak Wanita 2013.

Sekian, terima kasih.